

Korea Utara tiada pilihan untuk berbaik dengan Malaysia

KUALA LUMPUR 10 Mac - Penganalisis percaya Korea Utara tidak akan bertindak di luar batasan sehingga boleh merosakkan hubungannya dengan negara ini, kerana negara itu menganggap Malaysia adalah rakan strategiknya terutama bagi mendapatkan bekalan bahan-bahan mentah seperti minyak sawit.

Timbalan Pengarah Institut Pengajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sufian Jusoh berkata, negara komunis itu akan lebih bertoleransi termasuk untuk melepaskan warga Malaysia keluar dari negara itu demi menjaga hubungannya dengan negara ini.

Jelasnya, usaha menjaga kepentingan dengan Malaysia adalah pen-

ting memandangkan negara itu tidak mahu risiko kehilangan rakan diplomatik.

"Bagi Malaysia, hubungan kita dengan Korea Utara mungkin tidak besar. Tetapi bagi mereka, kita adalah negara penting kerana menjadi sumber yang membekalkan beberapa barangan keperluan termasuk minyak sawit. Saya percaya mereka akan bertoleransi dalam isu ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kerajaan Korea Utara masih lagi menahan sembilan rakyat Malaysia daripada meninggalkan negara tersebut, susulan krisis yang berlaku antara kedua-dua negara



SUFIAN JUSOH

ekoran pembunuhan abang pemimpin tertinggi Korea Utara, Kim Jong-nam.

Kata Sufian, jika berlaku sesuatu yang buruk sehingga menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara, kerugian akan berpihak kepada Korea Utara.

Tambahnya, rundingan antara Malaysia dan Korea Utara perlu dilakukan dengan baik termasuk mencapai kata putus yang positif termasuk membenarkan rakyat Malaysia pulang, selain rakyat Korea Utara dibenarkan disiasat oleh pihak berkuasa tempatan mengenai kes pembunuhan Jong-nam.